

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
MERESMIKAN BANGUNAN TUN ABDUL  
RAZAK (JABATAN-JABATAN KERAJAAN)  
KANGAR, PERLIS, PADA HARI SELASA,  
27HB. JUN, 1978, JAM 10.30 PAGI.

1. Yang Amat Berhormat Datuk Haji Jaafar Hassan,  
Menteri Besar Perlis.
2. Yang Berusaha Setiausaha Kerajaan Negeri,  
*Pemungsi<sup>2</sup> Baisan Nasional.*
3. Ketua-Ketua Jabatan,
4. Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan.  
*Pemungsi<sup>2</sup> Baisan Nasional.*
5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Upacara meresmikan Bangunan ini, amatlah besar maknanya kepada kita. Nama yang diberikan kepada bangunan ini, melambangkan kepada kemajuan yang luas terbentang di tanah air, serta menggambarkan nikmat dan kesannya

kapada rakyat jelata. Allahyarhamlah yang merupakan Negarawan yang ulong, yang telah mengabdikan seluruh jiwa raganya berkhidmat kapada rakyat dan negara, sehinggalah ke akhir hayatnya.

*Kita berdoa semoga Allah <sup>chukuri</sup> ~~hushuri~~  
rahmat keatas roh Allahyarham itu.*

2. Sesungguhnya, memang tepat dan sesuai Bangunan yang menjadi nadi kegiatan jentera pelaksanaan rancangan pembangunan ini, disemadi dengan nama Allahyarham itu. Inilah sebaik-baik balasan yang dapat kita tunjukkan. bagi mengingati khidmat dan jasa cemerlang Allahyarham itu kapada negara dan rakyatnya. Mudah-mudahan

Allah Subhanahu Wataala sentiasa memberi taufiq dan hidayahNYA, kepada setiap pemimpin dan pegawai Kerajaan yang berkhidmat di dalamnya, serta memberi perlindungan dan keselamatan kepada setiap orang yang menggunakannya.

3. Saya harap bangunan Kerajaan baru ini, akan meningkatkan lagi semangat dedikasi dan ketekunan pegawai dan kakitangan kerajaan berkhidmat dengan lebih berkesan lagi jika dapat memesatkan lagi pelaksanaan rancangan pembangunan dan kegiatan ekonomi negeri Perlis. Kerajaan Persekutuan akan sentiasa memberi

sokongan dan bantuan yang diperlukan, bagi membolehkan Kerajaan Negeri Perlis mencapai matalamat kemajuan dan kejayaan yang diharapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Sejak Kemerdekaan, berbagai projek telah dijalankan oleh Kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat. Dasar Ekonomi Baru telah digubal bertujuan untuk mencapai perpaduan rakyat, melalui pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dalam usaha membasmi kemiskinan, usaha Kerajaan ditumpukan

kepada masyarakat luarbandar, di mana terdapat keadaan kemiskinan yang ketara.

5. Dalam program pembangunan luarbandar, banyak kejayaan cemerlang telah dicapai, hasil daripada usaha Kerajaan Barisan Nasional dan kerjasama rakyat. Daya pengeluaran telah meningkat berlipat ganda. Tanah hutan diterokai, dan peluang pekerjaan diwujudkan. Namun demikian, masih banyak lagi yang perlu dilakukan, supaya rakyat dapat menikmati faedah pembangunan yang lebih berkesan lagi. Peluang untuk meningkatkan mutu kejayaan yang dicapai, masih luas terbuka.

6. Sungguh pun banyak projek pembangunan telah dilaksanakan, Kerajaan Barisan Nasional akan terus menjalankan usaha-usaha yang lebih giat lagi. supaya setiap rakyat dapat mengecap nikmat dan kesannya. Pada masa-masa yang lalu, pelaksanaan projek-projek pembangunantidakdapatdiselaraskansepenuh. Akibatnya, telah timbul kemajuan yang tidak seimbang antara sektor, yang sepatutnya sama-sama dimajukan untuk mengwujudkan pembangunan luar-bandar yang menyeluruh. Faedah daripada sesuatu projek, dapat dinikmati dengan lebih berkesan jika kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan, diwujudkan bersama. Pembinaan parit dan tali air

misalnya, tidak akan memberi erti kepada petani, jika kemudahan kredit tidak disediakan bagi mereka membeli baja untuk tanaman padi, jika kemudahan mengilang tidak disediakan untuk mereka memproses hasil tanaman mereka, dan jika jalanraya tidak dibina untuk mereka membawa hasil tanaman ke pasar.

7. Memandangkan kekurangan. ini, corak pembangunan luarbandar telah berubah ke arah satu pendekatan yang disatukan. Program pembangunan, bukan hanya ditumpukan kepada usaha untuk menambahkan hasil pengeluaran sahaja,

bahkan segala aspek pembangunan masyarakat luarbandar, dirangka dan dijadikan sebuah projek yang disatukan. Beberapa projek yang berkaitan dirancang serentak, dan dilaksanakan dalam beberapa peringkat mengikut jadual tertentu. Ini akan menjamin faedah yang lebih berkesan kepada masyarakat luarbandar, jika dibandingkan dengan sekumpulan projek yang dirancang dan dilaksanakan secara berasingan.

8. Projek pembangunan pertanian Johor Barat, merupakan projek ulung yang mengamali

pendekatan ini. Projek ini, yang bermula dalam tahun 1974, dengan jumlah kos sebanyak \$233 juta, dirangka untuk memperbaiki kemudahan parit, membina jalan, serta meninggikan mutu perkhidmatan pertanian bagi kawasan seluas 330 ribu ekar. Pada masa ini, pelaksanaan projek ini adalah dalam peringkat akhir, dan satu kajian akan dijalankan untuk merangka peringkat kedua bagi projek ini.

9. Lain-lain projek yang disatukan ialah Kelantan Utara, Barat Daya Selangor dan Ban Merbok

di Kuala Muda. Projek Ban Merbok ini, meliputi kawasan seluas 23 ribu ekar. Projek ini, dijangka akan memakan belanja sebanyak \$4.5 juta, akan memberi faedah serta merta kepada petani-petani dan mengadakan asas bagi pembangunan ekonomi yang lebih pesat lagi di masa hadapan.

10. Diantara projek-projek pembangunan yang disatukan yang telah dan sedang dirangka ialah Krian-Sungai Manik untuk meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan kira-kira 24 ribu keluarga tani bagi kawasan Seberang Perak, dan kawasan Rompin-Endau yang meliputi..

seluas 115 ribu ekar. Di samping itu, kajian akan dijalankan bagi kawasan-kawasan Kemasin-Semerak dan Lembangan Sungai Trengganu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional memberi keutamaan di dalam bidang pembangunan kepada negeri-negeri yang kurang maju, seperti Negeri Perlis. Selain daripada peruntukan yang agak besar diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah juga memberikan peruntukan tambahan untuk memberi perkhidmatan

perkhidmatan asas kepada kawasan-kawasan luarbandai, seperti mengadakan jalan-jalanraya luarbandar, bekalan air minum luarbandar, bekalan elektrik, sekolah-sekolah, Pusat-pusat Kesihatan dan juga rancangan-rancangan keugamaan,

12. Dalam pembinaan jalan-jalanraya misalnya, peruntukan tambahan sebanyak \$18.8 juta telah diluluskan, menjadikan kesemua peruntukan dalam bidang ini, berjumlah sebanyak \$23.6 juta. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang besar, maka Negeri Perlis ini bolehlah dikatakan sebuah negeri yang bertuah.

Dengan terlaksananya rancangan-rancangan jalan raya kelak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, maka hampir kesemua kampong di Negeri Perlis ini, akan dapat dihubongi dengan jalan raya. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak \$300 ribu, juga disediakan bagi membina jalan ke kampong-kampong. Sebuah trektor dan sebuah Roller telah pun disediakan untuk menjayakan rancangan ini.

13. Di bawah rancangan bekalan air luarbandar, perbelanjaan sebanyak \$6.2 juta telah pun diperuntukkan, dan telah pun dibelanja.

Sebagai tambahan, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah juga meluluskan wang pinjaman sebanyak \$10.2 juta kepada Kerajaan Negeri Perlis, supaya membolehkannya melaksanakan rancangan memperbaiki sistem bekalan air bagi seluruh negeri ini. Insya Allah, jika rakyat jelata memberikan mandat baru kepada Barisan Nasional di kedua-dua peringkat negeri dan kebangsaan, Kerajaan Persekutuan bolehlah menimbang bagi melanjutkan bantuan atau pinjaman tambahan. Saya difahamkan bahawa matlamat Kerajaan Negeri Perlis, ialah menyediakan kemudahan bekalan air kepada lebih 60 ribu

orang penduduk di negeri ini.

14. Bagi rancangan bekalan letrik luarbandar, satu peruntukan sebanyak 15.2 juta telahpun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pelaksanaan rancangan ini, akan dapat disiapkan menjelang akhir tahun 1978. Sesungguhnya, ini adalah petanda yang baik terhadap keupayaan dan kemampuan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Perlis, di bawah pimpinan Datuk Haji Jaafar Hassan. Insya Allah, jika diberi mandat, Kerajaan Persekutuan akan menimbang peruntukan tambahan, supaya rancangan ini dapat diteruskan di dalam tahun 1979/1980 kelak, selepas kajian

separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

15. Kerajaan sehingga ini, telah berusaha ke arah mencapai matlamat memberi peluang kepada semua penuntut melanjutkan pelajaran mereka, ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Usaha ini akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Barisan Nasional. Di Negeri Perlis ini, peruntukan yang banyak telah dikeluarkan, bagi menggantikan bangunan-bangunan sekolah yang lama dengan bangunan-bangunan baru. Selain dari sebuah Sekolah Menengah Vokesyenal, dan sebuah Sekolah Menengah

yang ada di Negeri Perlis ini, sebuah Kampus ITM telah pun dirancangkan, yang akan ditempatkan di Arau. Peruntukan sebanyak \$17 juta telah pun disediakan untuk pembangunan Kampus itu.

16. Bagi peringkat pertama rancangan ini, perbelanjaan sebanyak lebihkurang \$7 juta, atelah dikeluarkan bagi membina bangunan-bangunan asas dan lain-lain kemudahan, yang saya difahamkan akan bermula dalam sedikit masa lagi. Dengan adanya pelajar-pelajar, yang pada satu ketika kelak, akan berjumlah seramai 2,000 orang, datang dari seluruh tanah air, maka kegiatan

ekonomi peniaga-peniaga Negeri Perlis ini, akan juga meningkat.

17. Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa memberi bantuan dan kemudahan kepada peniaga-peniaga Bumiputra, supaya mereka dapat bersaing dengan pedagang kaum lain. Dalam hubongan ini, satu peruntukan sebanyak \$1.5 juta ada disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga kerana Negeri Perlis, untuk membina lebih banyak lagi gerai-gerai tempat berniaga dan juga kemudahan pinjaman modal. Kerajaan Barisan Nasional akan mendirikan 200 buah gerai lagi bagi menambah

57 buah yang ada dan yang telah pun digunakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Dalam usahanya melaksana dan menumpukan tenaganya dalam bidang pembangunan, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengutamakan dan mementingkan soal keselamatan. Langkah dan tindakan yang tegas diambil terhadap apa jua kegiatan yang tidak sihat, seperti penyeludupan, bagi memastikan supaya ketenteraman dan keamanan rakyat sentiasa terjamin.

19. Di Negeri Perlis ini, berbagai usaha mencegah penyeludupan telah dijalankan.

Tumpuan utama adalah untuk mencegah penyeludupan senjata api, dadah dan beras.

20. Yunit Pencegah Penyeludupan juga telah ditubuhkan, dan telah bergerak semenjak tahun lalu. Yunit ini adalah dianggotai oleh pegawai dan kakitangan Polis, Kastam, Imigresen dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Bilangan anggota yunit ini akan ditambah sekali ganda, bagi meningkatkan lagi tindakan pencegahan ini. Usaha-usaha lain yang dijalankan termasuklah kawalan sekatan jalanraya oleh anggota pasukan pertahanan, Kastam

Bahagian Pencegah, dan Yunit Kawalan Kawasan.

21. Usaha Kerajaan Barisan Nasional ini, telah mendatangkan kesan yang baik. Disamping dapat menjamin keselamatan, Kerajaan telah juga dapat meningkatkan kutipan cukai. Pada tahun lalu, Kastam Padang Besar telah dapat memungut cukai sejumlah \$4.7 juta, berbanding dengan \$1.5 juta dalam tahun 1976, dan \$1.1 juta dalam tahun 1975. Dalam empat bulan pertama tahun ini, hasil cukai sejumlah hampir \$2.3 juta telah dapat dipungut.

..22/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

22. Rancangan-rancangan pembangunan dan rancangan mencegah penyeludupan, bagi menjamin keselamatan di sempadan, merupakan salah-satu hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional, untuk membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat, disamping memastikan rakyat dapat terus menikmati keamanan yang berkekalan.

*Jika Barisan nasional, di beri mandat,*

Insya Allah, pelaksanaan projek dan rancangan pembangunan ini, akan dipesat dan dipergiatkan lagi di masa-masa akan datang.

23. Saya harap, bangunan baru ini, dapat meningkatkan lagi semangat dan minat pegawai dan kakitangan Kerajaan, khususnya mereka yang mempunyai hubungan terus dengan rakyat. Dengan adanya keselesaan tempat bekerja, maka dapatlah mereka benar-benar menumpukan sepenuh tenaga dan perhatian, menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka kepada rakyat. Insya Allah, dengan kerjasama dan sokongan pegawai dan kakitangan *serta rakyat jelata,* Kerajaan/ maka dapatlah Barisan Nasional menubuhkan sebuah Kerajaan yang cekap, yang benar-benar berjiwa rakyat, mengutamakan kepentingan rakyat, dan sungguh-sungguh berminat untuk berkhidmat kepada rakyat.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta penghargaan, kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dengan ini, saya dengan nama Allah yang amat pemurah, lagi amat mengasihani., mengisytiharkan Bangunan Tun Abdul Razak ini, dibuka dengan resminya. Terima kasih.



No. Siri ..... 376  
No Penerimaan ..... 41/79